

**PELAKSANAAN PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI
DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR)
ATAU KAWASAN BERISIKO TINGGI
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
(PEJABAT KOMUNITI JKM LEMBAH SUBANG)**

1) LATAR BELAKANG

Pejabat Komuniti JKM, PPR Taman Putra Damai Lembah Subang, telah mula beroperasi bermula pertengahan bulan Januari 2010. Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menyediakan dan menyewakan satu (1) unit rumah di PPR Taman Putra Damai Lembah Subang 1, Petaling Jaya Selangor. Unit rumah tersebut digunakan sebagai unit pejabat PPK. Pejabat ini dibuka sebagai satu kemudahan kepada penduduk dalam komuniti untuk merujuk pelbagai perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan JKM. Selain itu, pejabat komuniti juga merancang program dan aktiviti yang bersesuaian untuk dilaksanakan di dalam komuniti dengan harapan dapat memberi manfaat kepada penduduk khususnya mereka yang sudah menjadi pelanggan JKM demi menyahut cabaran untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera dan penyayang.

2) OBJEKTIF

Objektif Program Pembangunan Komuniti di PPR adalah untuk:

- 1) Menyediakan profil kawasan dan penduduk
- 2) Melaksanakan program pembangunan social secara bersepadu melalui sinergi multisektor di antara agensi-agensi kerajaan khususnya kerajaan tempatan, pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat.
- 3) Membuat perancangan pembangunan dan kemudahan komuniti bersama penduduk berdasarkan keperluan semasa
- 4) Menjalinkan kerjasama di antara PPK dan anggota masyarakat supayamasama-sama bertanggungjawab terhadap permasalahan sosial di dalam komuniti masing-masing
- 5) Intervensi awal kepada kes-kes yang memerlukan perkhidmatan kebajikan

FUNGSI PROGRAM PEMBANGUNAN KOMUNITI DI PROJEK PERUMAHAN RAKYAT (PPR) ATAU KAWASAN BERISIKO TINGGI.

Fungsi Program Pembangunan Komuniti di PPR adalah untuk:

- 1) Membantu komuniti setempat menagani isu-isu sosial di peringkat akar umbi
- 2) Sebagai Pusat Rujukan Komuniti untuk mendapatkan perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan NGO,
- 3) Membangunkan komuniti setempat dari aspek sosial, ekonomi, kesihatan, perumahan dan lain-lain melalui pendekatan sinergi multisektoral dengan agensi-agensi lain
- 4) Merancang dan melaksanakan program-program intervensi awal, pendidikan pencegahan, pencelahan dan pemulihan dengan kerjasama Jawatankuasa Penduduk

- 5) Sebagai mata dan telinga JKM dalam usaha membateras gejala social di peringkat akar umbi.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEKERJA PEMBANGUNAN KOMUNITI

- 1) Mengatur perjumpaan dan perbincangan dengan wakil penduduk/pemimpin persatuan/NGO dalam komuniti
- 2) Mewujudkan rappo antara wakil penduduk/pemimpin persatuan /NGO dalam komuniti
- 3) Memperkenalkan program melalui sesi dialog/taklimat/edaran brosur/program bersama pelanggan /program UKP
- 4) Menyediakan Profil Komuniti
- 5) Mengenalpasti masalah, keperluan komuniti setempat dan rangka tindakan untuk mengatasi masalah tersebut melalui kerjasama Jawatankuasa Penduduk dan Komuniti.
- 6) Sebagai penggerak untuk melaksanakan program pembangunan komuniti sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti setempat merangkumi program Pemulihan, Perlindungan, Pencegahan, Pencelahan dan Pembangunan
- 7) Melaksanakan, memantau dan menilai program
- 8) Sebagai tempat rujukan komuniti dan orang perantara untuk mendapatkan perkhidmatan JKM dan maklumat perkhidmatan yang disediakan oleh agensi lain dan NGO
- 9) Menjalankan siasatan permohonan bantuan kewangan bulanan
- 10) Mentadbir urus, menyimpan dan mengemaskini Buku Rekod
- 11) Menyediakan input bagi Laporan Statistik Kes Yang DiLayan Mengikut Bulan dan laporan Pelaksanaan Program dan Aktiviti PPR
- 12) Menyemak status kes yang dirujuk sekurang-kurangnya satu kali (1) kali seminggu
- 13) Melaporkan kepada PKMD

TERDAPAT KEKOSONGAN BAGI JAWATAN PEKERJA PEMBANGUNAN KOMUNITI. SEBARANG MAKLUMAT BOLEH RUJUK:

Nithiah a/p Palaniandy

Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Petaling

nithiah@jkm.gov.my

03-7842 2584/7